

UNIT 5



TEMA 3 : KERJAYA KE MERCU IMPIAN

CITA-CITA SETINGGI BINTANG



MEMBACA

A Berdasarkan dialog, lengkapkan peta pemikiran yang diberikan.

Penemu duga : Selamat pagi, Encik Adnan. Sila perkenalkan diri anda.

Adnan : Selamat pagi, tuan. Nama saya Adnan bin Zamri, saya berasal dari Gombak. Saya berumur 27 tahun. Saya memiliki ijazah dalam bidang Pengurusan Perniagaan dari Universiti Kebangsaan Malaysia.

Penemu duga : Sebelum ini, Encik Adnan bekerja di mana?

Adnan : Saya bekerja di Syarikat Maju Jaya yang terletak di hadapan Pasar Awam Gombak sebagai Pegawai Akaun. Saya juga pernah bekerja sebagai Eksekutif Pentadbiran di Syarikat Pembinaan Sejati.

Penemu duga : Apakah kebolehan yang dimiliki oleh Encik Adnan untuk bekerja sebagai pegawai pemasaran?

Adnan : Saya berminat bekerja dalam bidang promosi. Saya suka berjumpa dengan orang ramai dan memiliki kemahiran interpersonal yang baik.

Penemu duga : Bagus. Syarikat kami memang memerlukan calon seperti Encik Adnan. Apakah harapan Encik Adnan sekiranya berjaya dalam temu duga ini?

Adnan : Saya akan bertugas dengan bersungguh-sungguh demi memastikan matlamat syarikat berjaya dicapai.

Penemu duga : Terima kasih, Encik Adnan. Keputusan temu duga akan ditetapkan pada minggu hadapan. Calon yang berjaya akan dihubungi oleh pihak kami. Semoga berjaya.

I. Diri sendiri:

- (a) _____
- (b) _____
- (c) _____

Adnan

3. Harapan:

2. Pengalaman bekerja:

- (a) _____
- (b) _____